

Teori Falsafah Bahasa Asas Kesempurnaan Berbahasa

Mohd Rashid Md Idris

Abstrak

Teori Falsafah Bahasa menjadikan bahasa sebagai objek perbincangan. Teori ini mengetengahkan situasi yang lebih jelas tentang perlunya seseorang itu mengupayakan tahap kesempurnaan berbahasa sama ada secara lisan, tulisan atau bukan lisan. Keutamaan adalah kepada penggunaan alat-alat artikulasi (alat-alat pertuturan) yang dikurniai oleh Pencipta dengan cara yang betul. Kesempurnaan kegiatan berbahasa dapat dilaksanakan dengan mengaplikasi tiga prinsip asas kesempurnaan berbahasa yang dianjurkan oleh teori ini, iaitu (i) berbahasa mengikut nahunya supaya maksud yang hendak disampaikan itu mencapai objektifnya, (ii) berbahasa untuk menyampaikan maklumat yang benar, dan (iii) berbahasa untuk tujuan ibadah. Dengan cara itu, kita telah melakukan perkara yang terbaik dalam urusan berbahasa dan mencapai tahap kesempurnaan berbahasa.

Kata kunci: Teori Falsafah Bahasa, kesempurnaan, nahu, maklumat dan ibadah

Abstract

The Language Philosophy Theory makes language as an object in any discussion. This theory practically emphasize a situation widely about someone who can apply her / his communication level whether in verbal or unverbal. The priority is focused on how articulations are progress and on how they proposed in correct procedure. Communication skill can be done by applying of three

principle which are related to this theory. The first principle is communication skill which follow its grammar rules so that the meaning can be understood by others (receiver) and the objective reaches its goal. The second principle stated that communication is apply for delivering a truth messages. The last principle stated that communication is used for religion function. By applying these principles, we can achieve the best goal and good thing, whenever someone is in the process of communication, at the same time, someone can reach her / his perfection of communication skill.

Keywords: *The Language Philosophy Theory*


Pengenalan

Mohd Rashid Md Idris (2007) mula membicarakan Teori Falsafah Bahasa di dalam tesis Ijazah Doktor Falsafah yang ketika itu teori ini dinamai Model Falsafah Bahasa. Gagasan daripada teori ini telah beliau kembangkan kumpasannya dalam perbincangannya tentang *Kajian Bahasa dari Perspektif Falsafah* di dalam buku *Sumbangsih Tizkari buat Masuri S.N* (2009). Kemudiannya gagasan teori ini diperkemaskan perbincangannya di dalam buku Falsafah Pendidikan Bahasa (2010). Teori Falsafah Bahasa dicipta hasil gandingan mantap antara Teori Relatif dengan Teori Kenuranian Bahasa. Dapatkan Teori Relatif yang dikemukakan oleh Sapir (1884-1939) dan Whorf (1897-1941), iaitu bahasa berperanan dalam mempengaruhi pemikiran dan cara hidup individu dan masyarakat penuturnya menjadi asas kepada Teori Falsafah Bahasa.

Dalam kajian yang dibuat oleh Mohd Rashid Md Idris, perbincangan tentang Teori Relatif telah dikemukakan oleh Sapir (1921) dalam tulisannya yang berjudul *Language : An Introduction to Study of Speech and Selected Writings in Language, Culture and Personality of Edward Sapir* (1949). Tokoh-tokoh bahasa seperti Mangantar Simanjuntak (1982) dan Asmah Hj. Omar (1987) sebenarnya turut membincangkan hal ini. Kemasukan dapatkan Teori Kenuranian Bahasa memperkemaskan lagi Teori Falsafah Bahasa ini. Dapatkan Teori Kenuranian Bahasa, iaitu potensi berbahasa adalah kurniaan Allah. Ramai pemuka yang banyak membicarakan teori ini, antaranya ialah Syed Muhammad Naquib al-Attas (1978, 1991), Hashim Hj. Musa (1980, 1991), Mangantar Simanjuntak (1987), Awang Sariyan (1997, 2007), dan Noriah Mohamed (1999), termasuk juga penulis artikel, Mohd Rashid Md Idris (2007, 2009, 2010).

Teori Falsafah Bahasa

Bagi memperkemaskan lagi Teori Falsafah Bahasa yang dicipta ini, Mohd Rashid (2007) telah mengetengahkan satu bentuk rajah berserta dengan huraian berkaitan rajah tersebut untuk memperjelaskan lagi Teori Falsafah Bahasa ini.



Rajah 1: Teori Falsafah Bahasa

Rajah Teori Falsafah Bahasa dapat dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu bulatan, anak panah (dua hala) dan garisan putus. Pertama, bulatan merupakan bentuk yang memerlukan manusia berbahasa secara sempurna dari segi nahu, makna dan tujuannya. Oleh hal yang demikian, segala ujaran itu mestilah dalam konteks yang difahami, disenangi oleh pendengar, dan bertujuan baik selaras dengan tuntutan syarak. Bentuk ini menggambarkan bahawa peranan bahasa mencerminkan keseluruhan kehidupan dan agama masyarakat Melayu, iaitu Islam yang perlu diamalkan secara holistik. Bulatan ini juga menggambarkan kitaran hidup manusia yang berputar dan akhirnya akan kembali semula kepada sejarah kejadian asalnya.

Bahagian kedua yang terlukis dalam rajah Teori Falsafah Bahasa ini ialah anak panah (dua hala). Anak panah ini memberi gambaran bahawa wujudnya hubungan langsung, iaitu secara tersurat antara penutur dengan pendengar, iaitu hubungan sesama manusia.

Ekoran itu, berlakunya keadaan penutur dengan pendengar saling menghantar maklumat dan maklum balas supaya kegiatan berbahasa itu aktif dan memenuhi keperluan bersama. Akhir sekali ialah garisan putus. Garisan putus ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan langsung, iaitu secara tersirat antara manusia dengan Allah S.W.T selaku Pencipta. Dalam hubungan langsung ini, banyak perkara yang Allah anugerahkan kepada hamba-Nya. Kejadian diri manusia merupakan anugerah terbesar yang diberikan sehingga manusia dapat mengecap kenikmatan dunia, anugerah akal untuk berfikir, dan anugerah bahasa.

Perkara Asas Pertama dalam Rajah Bulatan

Bentuk bulatan yang terdapat dalam rajah Teori Falsafah Bahasa menggambarkan keperluan berbahasa secara sempurna atau komprehensif bukan sahaja dari segi nahnnya, namun kesempurnaan yang dimaksudkan harus meliputi aspek makna dan tujuannya. Keperluan berbahasa secara sempurna bermaksud perkara yang diujarkan mestilah dapat didengar, manakala maklumat yang ingin disampaikan boleh difahami bukan sahaja oleh pendengar bahkan penutur juga. Proses berbahasa memberi kesan kepada pemikiran manusia dan juga merupakan aktiviti yang berterusan. Proses berbahasa ialah perkaitan antara bunyi percakapan atau bentuk penulisan dengan makna yang dikehendaki oleh penyampai mahupun penerima.

Bahasa adalah perantaraan dalam proses komunikasi manusia. Bahasa juga sebagai simbol komunikasi yang amat berkait rapat dengan penggunanya. Pengguna pula sangat berkait rapat dengan sistem budaya yang dianuti. Sistem budaya pula sangat berkaitan dengan sistem sosial masyarakat di tempat mereka berada. Bahasa dengan sifat kedinamikannya adalah berkait rapat dengan interaksi pengguna, perlakuan, budaya dan persekitaran (Mohd Rashid Md Idris, 2004). Misalnya, apabila penutur A bertanya kepada penutur B, maka telah berlaku satu proses pembentukan makna melalui simbol di dalam fikiran penutur A. Kemudian, penutur A melahirkannya melalui suara oleh penutur B yang kemudiannya menterjemahkan simbol tersebut berdasarkan sistem simbol yang ada pada dirinya dan aktiviti ini akan berterusan. Dengan ini akan berlakulah proses berbahasa secara sempurna kerana terdapat penutur, pendengar dan maklumat yang hendak disampaikan.

Perkara Asas Kedua dalam Rajah Anak Panah

Rajah anak panah dalam Teori falsafah bahasa menunjukkan wujudnya hubungan langsung atau tersurat antara penutur dengan pendengar. Hal demikian menunjukkan bahawa akan berlakunya keadaan saling menghantar maklumat dan maklum balas antara penutur dengan pendengar supaya kegiatan berbahasa itu aktif dan memenuhi keperluan bersama. Maklumat ialah keterangan dan perincian sesuatu perkara. Maklum balas pula ialah maklumat atau data yang diperoleh hasil daripada pengendalian dan digunakan untuk membolehkan pelarasannya dibuat supaya keadaan pengendalian yang dikehendaki tercapai.

Perkara Asas Ketiga dalam Rajah Garisan Putus

Rajah garisan putus pula menunjukkan bahawa wujudnya hubungan secara abstrak (tersirat) antara manusia dengan Allah S.W.T selaku Pencipta. Dalam hubungan ini Allah S.W.T telah menganugerahkan banyak perkara kepada hamba-Nya. Antaranya akal fikiran, kesihatan, umur yang panjang, ilmu dan rezeki. Salah satu anugerah terbesar yang diberikan oleh Allah S.W.T ialah kejadian diri manusia itu sendiri (Allah menciptakan Adam dan anak juga adalah anugerah Allah) sehingga manusia itu dapat mengecap kenikmatan dunia, anugerah akal untuk berfikir dan anugerah bahasa (alat-alat pertuturan dan Allah menganugerahkan bahasa kepada anak-anak Adam) (Mohd Rashid Md. Idris, 2010).

Prinsip-prinsip Asas Kesempurnaan Berbahasa

Komunikasi atau berbahasa adalah asas dalam kehidupan seseorang manusia. Perkembangan bahasa adalah sebuah proses yang bermula awal dalam kehidupan manusia, ketika seseorang mulai menguasai bahasa dengan belajar. Perkembangan bahasa anak-anak bermula dari yang sederhana sampai yang kompleks. Namun dalam usia empat bulan, bayi boleh membaca bibir dan membezakan bunyi ujaran. Bahasa yang disebut bayi dipanggil mengoceh. Dalam sesebuah organisasi, komunikasi ibarat nadi yang menggerakkan fungsi pengurusan sesebuah organisasi. Komunikasi menjadi medium penyebaran maklumat daripada seorang manusia kepada manusia yang lain. Justeru, sistem pengurusan organisasi atau masyarakat akan tergandala tanpa komunikasi.

Semakin berkesan sistem komunikasi diamalkan, semakin cekaplah pengurusan dan pentadbiran sesebuah organisasi tersebut. Sama ada komunikasi itu melalui saluran rasmi atau tidak rasmi, sistem komunikasi perlu melalui kaedah yang betul dengan etika yang baik untuk memastikan keberkesanannya. Ilmu komunikasi adalah ilmu yang dipelajari oleh manusia supaya memudahkan seseorang menyampaikan apa yang terkandung dalam fikirannya kepada orang lain. Selain itu, manusia bukan sahaja menggunakan komunikasi ini hanya untuk menyampaikan kepada manusia tetapi juga kepada haiwan. Walaupun binatang tidak dikurniakan akal fikiran seperti manusia, tetapi ia juga mudah memahami maksud yang disampaikan oleh manusia. Perkembangan komunikasi semakin berkembang dengan wujudnya alat-alat komunikasi seperti telefon, telegraf, radio dan alat-alat komunikasi yang lain.

Prinsip Asas Pertama: Berbahasa Mengikut Nahu

Berbahasa mengikut nahu ialah prinsip pertama yang diketengahkan oleh Teori Falsafah Bahasa. Prinsip ini menegaskan betapa pentingnya kita berbahasa dengan betul mengikut nahunya. Proses komunikasi atau berbahasa ini perlu mengikut nahunya agar maklumat yang ingin disampaikan itu mencapai objektifnya. Antara elemen-elemen penting dalam sesebuah proses komunikasi atau berbahasa ialah sumber, saluran, mesej, penerima, maklum balas, gangguan dan persekitaran. Bahasa merupakan suatu sistem. Hal ini membuktikan bahawa bahasa itu lengkap dan sempurna dari segi peraturan atau polanya. Bahasa terdiri daripada sistem bunyi, sistem makna dan sistem tatabahasa. Bahasa yang digunakan dalam pertuturan dan penulisan sememangnya terikat dengan sistem tatabahasanya. Dalam sistem tatabahasa atau nahu, setiap perkataan perlu disusun dalam bentuk ayat yang sempurna dan memberi makna sebelum ia diucapkan, mahupun ditulis. Penggunaan perkataan yang difahami umum (denotatif) juga amat penting agar pendengar dapat mentafsir makna dengan tepat. Penggunaan bahasa yang baik dan jelas akan meningkatkan keberkesan penafsiran makna oleh pendengar. Oleh itu, jika kita berbahasa dengan menggunakan bahasa yang betul mengikut nahunya mesej yang hendak disampaikan kepada individu lain akan dapat disampaikan dengan sempurna dan jelas.

Perkongsian makna amat penting dalam berbahasa. Apabila sesuatu proses komunikasi lisan berlaku, setiap individu khususnya pendengar perlu mempunyai pengetahuan untuk memahami mesej yang hendak disampaikan oleh penutur. Menurut Roger (1994), komunikasi adalah proses apabila kedua-dua pihak yang terlibat membentuk dan berkongsi makna antara satu sama lain dengan tujuan untuk mencapai kesefahaman. Perkongsian di sini bermaksud perkongsian makna terhadap sesuatu isyarat yang ingin digunakan oleh penutur dan pendengar dalam suatu proses komunikasi. Sesuatu isyarat, maklumat atau bahasa mungkin memberi makna yang berbeza antara penutur dengan pendengar. Komunikasi yang baik akan berlaku sekiranya penutur dan pendengar bersetuju dengan penggunaan sesuatu bahasa dan bahasa itu dapat difahami dengan baik oleh kedua-dua belah pihak. Masalah akan berlaku dalam komunikasi apabila timbul masalah perbezaan persekitaran setiap individu seperti budaya, adat resam, sikap, pendidikan dan nilai. Ini menunjukkan betapa pentingnya manusia berbahasa dengan betul agar mesej yang ingin disampaikan kepada setiap individu itu mencapai objektifnya.

Prinsip Asas Kedua: Berbahasa Menyampaikan Maklumat Yang Benar

Dalam Teori Falsafah Bahasa ini juga turut menekankan bahawa berbahasa bertujuan menyampaikan maklumat atau fakta yang betul dan benar. Hal ini bertepatan dengan firman Allah S.W.T bermaksud :

‘Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kamu kepada Allah dan ucapkanlah perkataan yang benar.’

(Surah al-Ahzab : 70)

Dalam ayat ini Allah S.W.T telah memberi penegasan supaya manusia berkata yang benar. Jika sesuatu fakta atau maklumat yang disampaikan itu tidak tepat atau menyeleweng, ini akan memberi kesan buruk kepada manusia. Sekiranya seseorang individu itu menyampaikan maklumat yang tidak tepat atau salah, ia boleh menjadi fitnah dalam masyarakat tersebut. Dalam al-Quran Allah S.W.T menegaskan lagi dengan firman-Nya maksudnya :

'Wahai orang-orang yang beriman! Jadilah kamu penegak keadilan, menjadi saksi kerana Allah, walaupun terhadap dirimu sendiri atau terhadap ibu-bapa dan kaum kerabatmu. Jika dia (yang terdakwa) kaya atau miskin, maka Allah lebih tahu kemasmahanan (kebaikannya). Maka janganlah kamu mengikuti hawa nafsu kerana ingin meyimpang dari kebenaran. Dan jika kamu memutarbelitkan (kata-kata) atau enggan menjadi saksi, maka ketahuilah Allah Maha teliti terhadap segala apa yang kamu kerjakan.'

(Surah an-Nisa': 135)

Dalam menyampaikan sesuatu maklumat, pemikiran seseorang individu tidak boleh berlandaskan kepercayaan dan emosi semata-mata tetapi ia haruslah disampaikan berdasarkan penaakulan yang tepat lagi sahih. Maklumat berkenaan perlulah diperoleh daripada sumber-sumber yang sahih dan boleh dipercayai. Hal ini bertujuan supaya maklumat yang diberikan itu tidak bercanggah dengan fakta yang sebenarnya seterusnya bebas dari fitnah. Ajaran Islam jelas mengajar umatnya supaya menjauhi perbuatan fitnah kerana fitnah merupakan perbuatan yang terkutuk dan dapat merosakkan manusia. Dengan fitnah manusia saling bercakaran dan saling bermusuhan. Keadaan ini Allah telah nyatakan di dalam ayat al-Quran maksudnya :

'Wahai orang-orang yang beriman! Jika seseorang yang fasik datang kepadamu membawa suatu berita, maka telitilah kebenarannya, agar kamu tidak mencelakakan suatu kaum kerana kebodohan yang akhirnya kamu menyesali perbuatanmu itu.'

(Surah al-Hujurat: 6)

Dalam ayat ini, Allah telah mengajar kita supaya kita menyelidik terlebih dahulu maklumat diterima sebelum ia disampaikan dan disebarluaskan kepada orang lain. Kita juga perlu menggunakan perkataan yang tepat, jelas dan dapat difahami oleh orang lain agar maklumat yang ingin disampaikan itu tidak bercanggah dengan apa yang diterima. Kita boleh mengambil ibrah atau pengajaran daripada kisah Nabi Musa yang bermohon kepada Allah :

'Dan lepaskanlah kekakuan dari lidahku, agar mereka mengerti perkataanku, dan jadikanlah untukku, seorang pembantu dari keluargaku (iaitu) Harun saudaraku.'

(Surah Taha : 27-30)

Ayat ini menjelaskan kepada kita supaya kita menguasai kemahiran untuk menyampaikan sesuatu maklumat atau fakta. Sekiranya kita tidak mampu, kita boleh melantik seorang juru cakap bagi pihak kita. Ini jelas membuktikan betapa pentingnya untuk kita menyampaikan sesuatu maklumat atau fakta itu dengan benar dan betul.

Prinsip Asas Ketiga: Berbahasa untuk Tujuan Ibadah

Prinsip ini berkait rapat dengan Teori Kenuraniaan Bahasa yang merumuskan bahawa potensi atau kebolehan berbahasa adalah kurnian Allah. Kemampuan dan kebolehan berkomunikasi ialah nikmat Allah S.W.T yang penting kepada manusia. Manusia dilahirkan dengan anugerah akal, naluri, mulut dan pancaindera lain yang tidak ternilai harganya dan kita tidak perlu membayar apa-apa untuk anugerah ini. Manusia yang beragama Islam haruslah melahirkan rasa syukur yang tidak terhingga kepada Allah S.W.T. Kita sebagai hamba-Nya hendaklah melahirkan rasa syukur kita kepada Allah S.W.T dengan melakukan beribadat kepada-Nya. Terdapat pelbagai cara untuk kita beribadat kepada Allah S.W.T. Ibadat ini bukan sekadar sembahyang, puasa dan zakat tetapi apa-apa pekerjaan yang baik dilakukan berdasarkan niat kerana Allah meletakkan perbuatan kita itu mencapai taraf beribadat kepada Allah. Prinsip Teori Falsafah Bahasa yang ketiga ini amat bertepatan dengan ajaran yang dianjurkan oleh Islam yang telah diceritakan oleh Allah melalui firman-Nya yang bermaksud:

'Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk beribadat kepada-Ku.'

(Surah az-Zariyat: 56)

Dalam konteks ini, berbahasa ataupun berkomunikasi juga boleh dikategorikan sebagai salah satu cara untuk beribadah. Komunikasi yang berkesan ialah komunikasi yang melibatkan semua bentuk hubungan antara manusia dengan segala bentuk keperluannya. Hubungan manusia terbahagi kepada tiga, iaitu hubungan manusia dengan Allah S.W.T (*hablumminallah*), hubungan antara manusia dengan manusia (*hablumminannas*) dan hubungan manusia dengan alam sekitar. Hubungan komunikasi antara manusia dengan Penciptanya

dilihat sebagai tunjang kepada proses komunikasi. Komunikasi jenis ini dikenali sebagai komunikasi menegak (*vertical communication*). Keperluan komunikasi haruslah melibatkan hal dunia ni dan hal ukhrawi seperti yang disyariatkan dalam Islam.

Komunikasi secara mendatar (*horizontal communication*) pula berlaku apabila dua individu berkomunikasi secara bersemuka. Komunikasi ini merangkumi dua bentuk hubungan komunikasi, iaitu hubungan sesama manusia dan hubungan antara manusia dengan makhluk lain seperti jin, bunian, flora dan fauna. Lazimnya, komunikasi ini berlaku tanpa dirancang terlebih dahulu. Komunikasi ini bersifat dua hala, contohnya komunikasi kita dengan ahli keluarga, rakan, guru dan sebagainya. Berbahasa juga dilihat sebagai tujuan untuk beribadah apabila kita berbahasa untuk menyampaikan kebaikan, contohnya kita berbahasa untuk menyampaikan maklumat yang benar kepada orang lain, kita berbahasa untuk saling menegur atau menasihati dan kita juga berkomunikasi dalam menuntut ilmu yang berguna juga dikira sebagai ibadah.

Terdapat empat jenis komunikasi utama, iaitu komunikasi manusia dengan Penciptanya, manusia dengan diri sendiri, manusia sesama manusia dan manusia dengan makhluk lain. Pengamatan dan penghayatan yang mendalam terhadap bentuk-bentuk komunikasi mampu menjadikan manusia itu sebagai komunikator yang baik selari dengan firman Allah S.W.T maksudnya :

'Dan di antara tanda-tandaNya ialah kejadian langit dan bumi, dan bermacam-macam bahasa kamu dan warna kulitmu. Sesungguhnya tentang demikian itu menjadi tanda bagi orang-orang yang mahu tahu.'

(Surah ar-Rum: 22)

Dalam proses berbahasa atau komunikasi, manusia digelar sebagai komunikator yang mempunyai akal, pancaindera dan sistem biologi yang canggih. Manusia sebagai makhluk ciptaan Allah yang istimewa perlulah menggunakan akal mereka untuk berfikir tentang keesaan dan kebesaran Allah S.W.T. Dengan memikirkan dan menghayati tandatanda kebesaran Allah S.W.T, manusia itu telah melakukan ibadat kepada Allah S.W.T.

Kesimpulan

Berdasarkan huraian di atas, kita dapat melihat bahawa Teori Falsafah Bahasa ini merupakan gagasan yang mengemukakan keadaan tentang perlunya manusia, yakni penutur bahasa menggunakan alat-alat artikulasi dengan sebaik mungkin. Hal ini demikian kerana semua anugerah tersebut merupakan pemberian Allah S.W.T sehingga membolehkan manusia mencapai nikmat yang terdapat di dunia ini. Oleh itu, manusia seharusnya menjaga hubungan dengan Penciptanya dan juga hubungan sesama manusia dengan baik. Hubungan ini merupakan sesuatu yang amat penting kerana Allah S.W.T menuntut hamba-Nya supaya sering mengingati-Nya, bersaudara dan menjalinkan hubungan baik sesama sendiri.

Hubungan ini sudah semestinya dapat dibina, dijalin dan diperkuuh melalui proses berbahasa justeru, penutur bahasa (manusia) seharusnya berbalik semula kepada perkara pokok yang ditekankan oleh Teori Falsafah Bahasa. Teori bahasa ini menuntut kepada proses berbahasa yang sempurna atau komprehensif merangkumi semua aspek supaya ujaran yang dilakukan akan menjadi ibadah manusia di muka bumi sebagai bekalan ke alam akhirat kelak. Melalui ujaran juga, manusia seharusnya mendekatkan diri kepada Allah S.W.T terutamanya dan mengukuhkan hubungan sesama manusia itu sendiri.

Tuntutan ini dapat dilihat berdasarkan kepada tiga bahagian utama Teori Falsafah Bahasa, iaitu bahagian bulatan, anak panah dan garisan putus yang menggambarkan proses berbahasa yang sewajarnya dilakukan oleh manusia. Sehubungan dengan itu, diharapkan agar manusia kembali menghayati hakikat sebenar proses berbahasa itu dilakukan bagi mengelakkkan manusia terpesong daripada agama Islam dan seterusnya terhalang daripada mendapat hidayah dan petunjuk daripada Allah S.W.T. Berbahasa yang berkesan dapat mengekalkan persahabatan dan perhubungan yang baik. Dengan cara ini kita telah melakukan perkara yang terbaik dalam urusan berbahasa.

Pentingnya berbahasa menurut acuan teori ini kerana teori ini mempunyai prinsip-prinsipnya yang tersendiri dan ia berbeza dengan teori-teori bahasa yang lain. Khususnya berhubung dengan prinsip-prinsip asas kesempurnaan berbahasa yang lebih mantap dan menyeluruh (holistik) telah dikemukakan tiga prinsip asas yang berkaitan. Prinsip pertama, berbahasa mengikut nahunya agar maksud yang hendak disampaikan itu mencapai objektifnya. Dengan cara ini, kita akan dapat mengurangkan isu kekaburan makna dan salah faham antara pihak yang berbahasa.

Prinsip kedua, kegiatan berbahasa untuk menyampaikan maklumat betul dapat mendidik anggota masyarakat supaya sentiasa berusaha untuk menyampaikan mesej yang betul dan lebih penting lagi penuturnya juga sentiasa bertanggungjawab dengan segala ujurannya. Manakala prinsip ketiga ialah berbahasa untuk tujuan ibadah. Majoriti masyarakat di Malaysia adalah beragama sama ada agama Islam, Kristian, Hindu, Buddha dan sebagainya. Agama dari langit ini sentiasa bersepakat dalam hal-hal yang membawa kepada kebaikan dan kesejahteraan sejagat. Oleh itu, jika semua anggota masyarakat yang beragama ini melihat kegiatan berbahasa itu sebagai suatu ibadah kepada agama yang mereka anuti, maka mereka akan sentiasa mengutamakan kesejahteraan sejagat. Dengan cara itu, kita sebenarnya telah mencapai tahap kesempurnaan berbahasa apabila kita memahami, menghayati dan mempraktikkan ketiga-tiga prinsip di atas.

Rujukan

- Asep Ahmad Hidayat. (2006). *Filsafat bahasa mengungkap hakikat bahasa, makna, dan tanda*. Bandung : PT Remaja Rosdakarya.
- Asmah Hj. Omar. (1987). *Malay in sociocultural context*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj. Omar. (1988). *Bahasa dan alam pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. (2007). *Perkembangan falsafah bahasa dan pemikiran dalam linguistik*. Petaling Jaya : Sasbadi Sdn. Bhd.
- Awang Sariyan. (2010). *Asas falsafah dan pemikiran Melayu berteraskan Islam*. Kuala Lumpur : Penerbitan Ilham Baru.
- Hashim Haji Musa. (1994). *Pengantar falsafah bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Haji Musa. (2001). *Falsafah, logik, teori nilai, dan etika Melayu – Suatu pengenalan*. Kuala Lumpur : Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Mohd Rashid Md Idris. (2004). *Monograf bahasa Melayu – Jilid 1*. Kuala Lumpur : IIUM Press.
- Mohd Rashid Md Idris. (2007). “*Falsafah bahasa : Nilai estetik dan intelek Melayu dalam pantun*”. Tesis Ijazah Doktor Falsafah di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

- Mohd Rashid Md Idris. (2009). “*Kajian bahasa dari perspektif falsafah*” dalam Sumbangsih Tizkari Buat Mahsuri S.N. oleh Muhammad Bukhari Lubis dan Muhammad Pitchay Ghani. Tanjong Malim : Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mohd Rashid Md Idris dan Abu Hassan Abdul. (2010). *Falsafah pendidikan bahasa*. Tanjong Malim : Emeritus Publications.